

PKS Dapat Lebih Banyak Peluang Pekerjaan, Perniagaan Baharu Dalam Bajet 2013
- Shafie Apdal
Bernama
4 September, 2012

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berharap lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memperoleh peluang yang lebih besar serta rangsangan dalam Bajet 2013.

"Saya harap ia tidak sahaja menyediakan mereka kemudahan pembiayaan bagi membantu industri PKS, malah meliputi inisiatif latihan bagi memastikan kami dapat membantu industri ini yang seterusnya merangsang ekonomi kita.

"Diharapkan lebih banyak peluang pekerjaan atau perniagaan baharu akan diwujudkan dalam pembentangan bajet itu," katanya kepada media selepas merasmikan Forum Keusahawanan Antarabangsa di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini Selasa..

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Menteri Kewangan, akan membentangkan bajet itu yang dirangka bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara, dan membantu rakyat.

Bajet yang akan dibentangkan di Parlimen pada 28 Sept, akan mengambil kira cadangan dan input daripada pelbagai pihak, termasuk kumpulan fokus, agensi kerajaan dan sektor industri.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=691887>